Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN PERMOHONAN SIJIL PERAKUAN PENGGAMBARAN FILEM KHAS (SPP KHAS) PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas)?

Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) adalah satu sijil perakuan yang dikeluarkan oleh FINAS bagi membenarkan pihak produksi menjalani penggambaran dalam tempoh Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN 2). Hanya di benarkan kepada negeri-negeri yang berada di Fasa 2 sahaja.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan Protokol Gelembung Penggambaran (PREP) ?

PREP adalah mekanisme kawal selia bersepadu yang mampu mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 kepada melalui pelaksanaan amalan aktiviti penggambaran yang selamat dan sihat.

3. Produksi manakah yang layak memohon SPP Khas ini dan kategori produksi apa?

i. Produksi yang **sudah menjalani penggambaran dan tergendala** akibat pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara;

ii. Produksi yang **terikat dengan kontrak perundangan bagi tayangan di platform penyiar**;

Hanya produksi kategori di bawah sahaja yang di benarkan;

I. Drama TV (Telemovie/Drama Bersiri/Sitkom)
II. Iklan
III. Dokumentari

4. Adakah penggambaran kategori Dokumentari Majalah dan Travelog di klasifikasikan di bawah dokumentari yang dibenarkan?

Ya, dokumentari yang dibenarkan.

5. Bolehkah tenaga produksi meneruskan penggambaran dari sebuah lokasi ke lokasi di negeri yang lain sebagai sambungan lokasi dibawah projek yang sama.

Tidak dibenarkan. Produksi penggambaran hendaklah menyiapkan projek yang telah di tetapkan di dalam gelembung penggambaran.

6. Adakah penggambaran yang melibatkan temuramah dengan orang ramai atau VIP dibenarkan?

Penggambaran hendaklah dilakukan secara terkawal dan tidak di kawasan terbuka. Namun sekiranya melibatkan kawasan di bawah seliaan agensi yang berkaitan contoh PBT/DBKL hendaklah mendapat kelulusan pihak terbabit terlebih dahulu.

7. Bagaimana cara untuk memohon SPP Khas?

Pemohon boleh terus memuat turun borang dan tatacara di Laman Web FINAS di www.finas.my. dan permohonan boleh terus ke emel sppkhas@finas.my

8. Apakah syarat utama SPP Khas?

i. Permohonan perlu melalui Jawatankuasa Pelulus Aktiviti Penggambaran Khas FINAS melalui borang permohonanan Pra Surat Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) FINAS.

ii. Keputusan permohonan dalam tempoh 3 hari setelah lengkap borang.

iii. Setelah diluluskan pemohon WAJIB mengemukakan keputusan Ujian Calitan Covid-19 bagi semua tenaga kerja produksi yang terlibat dalam penggambaran. Keputusan tersebut hendaklah disertakan selepas kelulusan Jawatankuasa Pelulus Aktiviti Penggambaran Khas FINAS.

iv. Syarikat produksi mestilah mempunyai Lesen Pengeluaran FINAS yang aktif.

v. Daftar Lengkap Penggambaran seperti jadual dan perincian produksi, tenaga produksi, skrip, tempoh penggambaran, kebenaran lokasi dan premis penggambaran dari pihak berkuasa.

vi. Deklarasi kesihatan tenaga produksi merangkumi ujian saringan kesihatan serta perakuan penerimaan dua dos suntikan vaksin Covid-19.

vii. Perakuan pelantikan Penyelia Protokol Penggambaran (PPP) yang telah lulus syarat seperti modul keselamatan dan kesihatan pekerjaan, taklimat produksi, safe work bubble dan Protokol Tindak Balas Kecemasan.

viii. Perakuan syarikat produksi untuk pematuhan syarat penggambaran diperketatkan mengikut peruntukan undang-undang berkuatkuasa.

ix. Jika penggambaran tersebut menggunakan khidmat tenaga kerja asing perlulah menyertakan salinan surat sokongan kemasukan Pekerja Filem Asing (PFA) dan dokumen kelulusan daripada Jabatan Imigresen / work permit.

9. Adakah pelantikan Penyelia Protokol Penggambaran (PPP) diwajibkan, Jika Ya apa tugas PPP ini?

Ya, pelantikan Penyelia Protokol Penggambaran atau PPP adalah diwajibkan pada setiap produksi dan PPP yang dilantik perlu mendapat perakuan khas dari FINAS.

i. Perakuan pelantikan PPP yang telah lulus syarat seperti modul keselamatan dan kesihatan pekerjaan, taklimat produksi, safe work bubble protokol dan tindak balas keselamatan.

ii. Perakuan syarikat produksi untuk pematuhan syarat penggambaran diperketatkan mengikut peruntukan undang-undang berkuatkuasa.

Tugas PPP

iii. Syarikat produksi perlu melantik seorang Penyelia Protokol Penggambaran (PPP) yang bertanggungjawab bagi memastikan pematuhan Protokol Gelembung Penggambaran dan apa-apa SOP kerajaan berkuatkuasa oleh pihak produksi pada setiap masa termasuklah kesihatan, pelesenan, kebersihan, keselamatan, polisi dan pentadbiran

iv. PPP perlu memastikan seluruh tenaga produksi mematuhi perkara - perkara asas pencegahan Covid-19 termasuklah penjarakan fizikal, Aplikasi MySejahtera, pemeriksaan suhu, disinfeksi, cuci tangan dan elakkan babak-babak yang memerlukan sentuhan

v. PPP yang mendapat perakuan FINAS disyaratkan untuk menyertai sesi taklimat berdasarkan modul-modul yang ditetapkan

vi. PPP perlu memastikan setiap tenaga produksi di lapangan mengambil ujian calitan covid-19 dan dalam tempoh tiga hari sebelum penggambaran, semasa dan sebelum tamat penggambaran

vii. PPP perlu memastikan tenaga kerja tidak keluar merentasi gelembung dan had pergerakan adalah dalam radius 10 kilometer sahaja kecuali di atas urusan kecemasan

viii. PPP perlu membuat pelaporan khas selepas selesai penggambaran. Laporan tersebut hendaklah diserahkan kepada FINAS bersama buku log yang telah dikemaskini dua hari selepas itu bersama keputusan calitan covid 19 bagi tujuan semakan serta pematuhan

ix. PPP perlu mematuhi Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)|Covid 19 Malaysia serta menandatangani perakuan penyeliaan yang disediakan oleh FINAS.

10. Adakah FINAS membiayai kos calitan Covid-19 kepada semua tenaga produksi terlibat.

Tidak, pihak produksi perlu menangung kos tersebut.

11. Apakah syarat utama Lokasi atau premis yang dibenarkan penggambaran?

Penggambaran hanya boleh dibuat di negeri-negeri status Fasa Dua PPN sahaja;

i. Penggambaran hanya boleh dibuat di Zon Khas Penggambaran Inspirasi Kreatif (Luar Studio) yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;

ii. Penggambaran diadakan secara terasing, terkawal dan terhad tanpa kehadiran penonton/khalayak;

iii. Penggambaran tidak boleh diadakan di mana-mana zon larangan seperti perumahan, penempatan, perindustrian, institusi kerajaan, jalanraya, pasar dan lain-lain yang mempunyai penduduk atau orang awam;

iv. Set penggambaran mempunyai jarak zon penampan/selamat minimum 1km daripada kawasan penempatan terdekat;

v. Penggambaran untuk lokasi yang berbeza dalam skrip adalah hanya dalam gelembung yang dibenarkan iaitu dalam radius 10KM;

vi. Setiap lokasi/premis mesti dinyahkuman dan dibersihkan mengikut SOP sebelum, semasa dan selepas penggambaran.

12. Adakah produksi boleh merentas negeri/daerah dengan menggunakan SPP Khas ini?

Tidak. Produksi hendaklah mendapat kebenaran bertulis dari Balai Polis untuk merentas negeri/daerah.

13. Apakah yang dimaksudkan dengan penggambaran di Zon Khas Penggambaran Inspirasi Kreatif (Luar Studio).

Zon Khas Penggambaran Inspirasi Kreatif ini adalah set penggambaran luar studio seperti berikut:

i. Penggambaran di set yang dibina khas oleh syarikat produksi di kawasan terbuka namun mempunyai jarak minima sekurang-kurangya 1KM dari kawasan penempatan terdekat atau dibina di atas premis/kawasan pemilikan harta persendirian. Kelulusan adalah tertakluk kepada pematuhan prosedur kerajaan yang berkuatkuasa;

ii. Penggambaran di premis/lokasi sedia ada samada rumah/ bangunan/harta persendirian/prasarana yang mempunyai jarak minima sekurang-kurangya 1KM dari kawasan penempatan terdekat dan diadakan secara terasing, terhad serta terkawal. Kelulusan adalah tertakluk kepada pematuhan prosedur kerajaan yang berkuatkuasa;

iii. Penggambaran dimana-mana infrastruktur/kemudahan/prasarana/kawasan alam di bawah pemilikan, kawalan dan pentadbiran kerajaan seperti hospital, sekolah,hutan simpan, pulau dan lain-lain perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa dan adalah tertakluk kepada pematuhan prosedur kerajaan yang berkuatkuasa;

14. Apakah syarat dan kriteria utama kelulusan permohonan SPP Khas ini?

i. Kapasiti jumlah tenaga produksi mengikut kategori penggambaran bagi satu-satu masa terhad kepada;

   A. Drama: Tidak melebihi 20 orang pada satu-satu masa
   B. Iklan: Tidak melebihi 10 orang pada satu-satu masa
   C. Dokumentari: Tidak melebihi 5 orang pada satu-satu masa

ii. Tenaga produksi tidak boleh mengambil pekerjaan di produksi lain sehinggalah selesai fasa penggambaran;

iii. Pengambilan tenaga produksi digalakkan di kalangan yang bermastautin di sekitar zon gelembung;

iv. Sekiranya wujud kes jangkitan, semua tenaga produksi ini akan dikuarantinkan untuk tempoh masa yang ditetapkan mengikut SOP berkuatkuasa;

v. Syarikat produksi perlu memastikan pematuhan keperluan logistik, kemudahan, keselamatan, kebajikan, kesihatan dan lain-lain dalam tempoh penggambaran secara total;

vi. *Cooling period* untuk tempoh yang disyaratkan setelah selesai sesebuah penggambaran sebelum diberikan kebenaran ke set penggambaran yang lain. Berdasarkan tempoh bertenang seperti berikut:

   A. Drama : 2 minggu
   B. Iklan: 1 minggu
   C. Dokumentari:2 minggu

vii. Diwajibkan untuk tenaga produksi yang dilantik **melengkapkan dua dos suntikan vaksin pada fasa kedua menerusi Program Imunisasi COVID-19** sebagai langkah kawalan dan pencegahan Covid-19 sebelum memasuki set penggambaran.

15. Adakah Sarawak tergolong di dalam syarat-syarat permohonan SPP Khas PPN 2 ini?

Tidak, Sarawak terkecuali dari syarat permohonan ini dan boleh rujuk cawangan Bahagian Pelesenan & Penguatkuasaan Sarawak.

16. Apakah kesan jika pemohon tidak mematuhi syarat-syarat SPP Khas ini?
Syarikat produksi yang tidak mematuhi syarat-syarat Sijil Perakuan Penggambaran Filem Khas (SPP Khas) atau melanggar SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Perbadanan berhak memberhentikan sesi penggambaran yang sedang dijalankan **SERTA MERTA** seterusnya **MEMBATALKAN SPP** Khas tersebut.

Catatan:

1) Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk bersama-sama mengurangkan risiko serta membendung penularan pandemik COVID-19 ini.

2) Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaharu pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.